



GRADUAN Universiti Malaysia Sabah mempunyai nilai pasaran kerja yang tinggi.



MASYARAKAT pedalaman menghargai ilmu dan pendidikan.

Menyemarak tradisi kecemerlangan ilmu DUA DEKAD UMS

MELANJUTKAN pendidikan hingga ke peringkat pengajian tinggi pada satu ketika dahulu hanya sekadar mimpi bagi anak-anak desa di bumi Sabah yang keluarganya bekerja sendiri yang hasilnya sekadar cukup makan bagi menampung hidup sekeluarga.

Jarang terlintas untuk melihat pencapaian belajar sehingga ke menara gading dan memperoleh segulung ijazah. Bukan kerana tiadanya kesedaran ilmu atau cetecknya wawasan tetapi kekangan kewangan khususnya masyarakat peribumi yang tinggal di kawasan pedalaman.

Pada era itu, Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang cukup sinonim dengan kos pengajian yang sederhana masih belum wujud sepenuhnya di negeri ini. Hendak mencari alternatif di negeri atau negara lain, syarikat penerbangan tambang murah pada ketika itu pula masih belum wujud memaksakan untuk mencapai segulung ijazah hanya tinggal impian.

Bermula debole itu, ibu bapa menjadikan UMS sebagai penunjang aras bagi anak-anak sebagai motivasi dalam misi mencari ilmu. Anak-anak diingatkan untuk sentiasa belajar bersungguh-sungguh dengan memberi gambaran suasana pembelajaran universiti yang suatu hari nanti memberi manfaat besar kepada hal tuju hidup yang penuh dugaan.

Tidak dinafikan masih terdapat anak-anak Sabah yang cemerlang diberi biasiswa mahu pun tajaan untuk melanjutkan pengajian ke luar negara. Tidak kurangnya juga, terdapat golongan yang berada menggunakan membaya sendiri anaknya melanjutkan pengajian di luar negara.

Yang pasti, tanggal 24 November

1994 telah menjadi satu tarikh bersejarah buat masyarakat dari seluruh pelosok negeri. Terlihat pancaran sinar kebahagiaan apabila Perdana Menteri pada ketika itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan penubuhan sebuah kota ilmu yang diberi nama Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Gagah

Berhadapan Laut China Selatan dengan berlatarkan kemegahan puncak Gunung Kinabalu, penubuhan UMS yang bertapak gagah di Teluk Sepanggar mulai menjadi iguanan anak-anak tempatan. Mereka umpama tersentak daripada lamunap abila mimpi selama ini telah menjadi kenyataan. Sesungguhnya, Negeri Sabah sudah mempunyai institusi pengajian tinggi awam yang dimantik-nanti.

Hakikatnya, penubuhan UMS sendiri telah memberikan satu anjakan paradigma terhadap kerancakkan perkembangan ilmu di negeri Sabah. Bermula dengan merangkak, UMS pantas menyusun langkah bergerak ke hadapan dalam menabik bakti kepada nusa dan bangsa.

Menjengah usia 20 tahun pada 24 November 2014, UMS telah menjadi ikon kebanggaan negeri Sabah sebagai mercu tanda kecemerlangan ilmu. UMS berjaya melahirkan seramai 46,318 graduan dalam pelbagai bidang dengan purata kemasukan pelajar baharu seramai 4,000 orang setahun. Angka itu terus meningkat apabila seramai 4,492 mahasiswa akan bergraduasi dalam



NORSABRINA MOHD NOOR

(PTPTN). Ia tidak termasuk pelbagai agensi lain yang turut menawarkan pinjaman pendidikan dan tajaan biasiswa.

Hakikatnya, penubuhan UMS sendiri telah memberikan satu anjakan paradigma terhadap kerancakkan perkembangan ilmu di negeri Sabah. Bermula dengan merangkak, UMS pantas menyusun langkah bergerak ke hadapan dalam menabik bakti kepada nusa dan bangsa.

Menjengah usia 20 tahun pada 24 November 2014, UMS telah menjadi ikon kebanggaan negeri Sabah sebagai mercu tanda kecemerlangan ilmu. UMS berjaya melahirkan seramai 46,318 graduan dalam pelbagai bidang dengan purata kemasukan pelajar baharu seramai 4,000 orang setahun. Angka itu terus meningkat apabila seramai 4,492 mahasiswa akan bergraduasi dalam



NOR OMAR SAPPi

Majlis Konvokesyen UMS ke-16 yang berlangsung megah di Dewan Canselor selama tiga hari sehingga esok.

Dari segi kebolehpasaran graduan, statistik pada tahun 2013 menunjukkan hampir 40 peratus pelajar UMS telah diambil bekerja dalam masa beberapa bulan selepas memperoleh ijazah. Ini bermakna, menjelang hujung tahun, semakin bertambah bilangan dan peratus graduan diambil bekerja. Statistik pekerjaan pada tahun-tahun sebelumnya juga dalam jumlah peratusan yang hampir sama. Ini boleh dilihat apabila ke mana sahaja tempat di seluruh Malaysia, pasti akan bertemu dengan alumni UMS sama ada yang bekerja di agensi kerajaan, sektor korporat maupun tempatan yang syarikat sendiri.

Antara bukti pencapaian tertinggi alumni kelahiran UMS ialah seorang

ahli biologi, Datin Norsabrina Mohd Noor begitu menyerlah sebagai pemimpin pelapis negara dengan memenangi kerusi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bandar Baharu. Dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah atau Exco Teknologi Maklumat, Norsabrina yang juga pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang biologi, Sekolah Sains dan Teknologi UMS yang kini dikenali sebagai Fakulti Sains dan Sumber Alam.

Alumni UMS turut mencipta nama hingga ke persada antarabangsa. Melalui Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan yang dahulunya dikenali sebagai Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, seorang anak jati Sabah kini berkhdimat sebagai Pengurus Besar Kampuchea Food Corporation yang berpusat di Phnom Penh, Kembuja. Benjamin Jerome, yang sebelum ini pernah memegang jawatan sebagai Pengurus Operasi KFC Holding Malaysia Sdn. Bhd., di Sabah dan Brunei menjawat jawatan Pengurus Besar lebih tujuh tahun sejak memegang jawatan itu pada Oktober 2007.

Berasal dari Sandakan Sabah, pihak universiti turut merasa bangga dengan pencapaian Superintenden Nor Omar Sappi, sebagai alumni UMS yang berada di persada pimpinan pasukan seseorang Mewakili orang-orang rakyat

perintis universiti Ekopelancongan itu, pencapaianannya cukup gah dengan tugas bakti sebagai Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Risikan Operasi, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah.

Tuntasnya, penubuhan UMS pada 20 tahun yang lalu nyata memberi impak besar terhadap perkembangan ilmu dan sumber insan di negara ini. Pengarah Kastam Negeri Sabah, Datuk Dr. Janathan Kandok; Ahli Lembar Pengarah UMS, Datuk Dr. Kassim Ibrahim; Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Sabah, Jasnri Rasit; Dekan Fakulti Pendidikan dan Psikologi (FPP), Prof Dr. Ismail Ibrahim UMS serta ramai lagi adalah bukti sumbangkhan UMS dalam memasyarakatkan ilmu serta melahirkan graduan yang duduk sama rendah berdiri sama tinggi dengan pelajar keluaran universiti tempatan malupun luar negara.

Kewujudan universiti ini turut membentuk satu dimensi baharu apabila menjadi jaluan kemasukan pelbagai program keilmuan untuk dinikmati masyarakat pelbagai kaum di negeri ini. Sesungguhnya, UMS akan terus bertekatk cemerlang sebagai pusat penyebaran ilmu dalam membangunkan modal insan yang berinovatif dan bertambah global seiring dengan usaha kerajaan menuju ke arah sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi moril dan teknologi.